



Suara PPSM Keluaran Pertama. Edisi Percuma. (Untuk Ahli Sahaja)



Perutusan Penasihat PPSM Y.A.A Datuk Syeikh Ghazali Hj. Ab Rahman (Ketua Pengarah JKSM / Ketua Hakim Syarie)

**Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh**

Bersyukur kepada Allah s.w.t kerana dengan limpah kurniaNya Suara PPSM dapat diterbitkan untuk julung-julung kalinya ini. Buletin seperti ini adalah penting diterbitkan kerana ianya dapat memberi gambaran sepenuhnya tentang pelbagai aktiviti dan maklumat terkini yang berkaitan para Pegawai Syariah di seluruh Malaysia.

Sebagai sebuah persatuan yang menaungi para Pegawai Syariah seluruh Malaysia, PPSM mampu bergerak maju seiring dengan arus semasa di dalam menjana pemikiran dan gerak kerja ahli-ahlinya.

Dengan penambahan bilangan jawatan beserta pelbagai kemudahan (seperti Esyariah dan sebagainya) akan lebih memudahkan lagi urusan berkomunikasi antara satu sama lain juga seharusnya diambil kesempatan untuk meningkatkan lagi mutu dan gerak kerja persatuan. Pelbagai aktiviti boleh disusun atur ke arah meningkat serta memartabatkan persatuan sejajar dengan perkembangan semasa. Dengan itu juga, Pegawai Syariah melalui persatuan ini dapat melaksanakan aktiviti-aktiviti



untuk kepentingan dan kebajikan pada masyarakat seluruhnya.

Dengan adanya aktiviti-aktiviti yang telah dan akan dijalankan, saya yakin dan percaya persatuan ini mampu untuk bergerak jauh ke hadapan bersama-sama dengan perkembangan era globalisasi hari ini.

Akhir kata saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua pihak yang telah menyusun, menjana dan menggembleng tenaga kearah memartabatkan lagi persatuan ini di tempat yang sepatut dan selayaknya. Semoga semua usaha ini akan diberkati Allah.

**DATUK SHEIKH GHAZALI BIN
HJ.AB. RAHMAN**

Nantikan edisi seterusnya dengan infomasi terkini untuk anda dari PPSM. Kami mengalu-alukan kerjasama anda untuk memberikan maklumat dan infomasi terkini untuk dimuatkan dalam Suara PPSM keluaran akan datang.

Presiden PPSM Dato' Ismail Yahya

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh

Terlebih dahulu saya mengucapkan rasa syukur di atas limpah taufikNya, Buletin PPSM dapat diterbitkan untuk pertama kalinya. Buletin ini merupakan salah satu wadah penyampaian maklumat yang dapat memberi gambaran aktiviti dan gerak kerja para Pegawai Syariah di seluruh Malaysia.

PPSM merupakan sebuah persatuan yang menunjangi para pegawai yang mendokong sistem keadilan Islam di Malaysia, PPSM mampu bergerak maju seiring dengan arus semasa di dalam menggerak dan menyusun aktiviti ahli-ahlinya.

Pelbagai aktiviti telah dan sedang disusun atur bagi menjayakan matlamat, visi dan misi persatuan ini. Setiap program telah diagih-agihkan kepada setiap biro untuk mengendalikannya.

Saya amat yakin dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan ini akan membantu persatuan untuk bergerak jauh ke hadapan bersama-sama dengan perkembangan semasa.

Akhir kata saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua pihak yang telah terlibat sama ada secara langsung ataupun tidak di dalam menobatkan persatuan ini ditempat yang sepatutnya.

Y.A DATO' ISMAIL YAHYA

SENARAI EXCO

Presiden	: Y.A Dato' Ismail Yahya
Timb. Presiden	: Tuan Hj. Abdul Walid Abu Hassan
Naib Pengerusi I	: Tuan Sakaria Samela
Naib Pengerusi II	: Y.A.A Tuan Mahamad Ibrahim
Setiausaha	: Tuan Mohd. Zamri Roslan
Pen. Setiausaha	: Cik Mazlina Hussin
Bendahari	: Cik Noor Huda Roslan
AJK	: Tuan Mohamad Abdullah
	: Y.A Tuan Mohd. Nasir Ab. Majid
	: Tuan Abu Bakar Mohd Daud
	: Tuan Wan Zakry Wan Mohd
	: Tuan Mohd Taifor Ahmad Rusdi
	: Tuan Hj. Amir Dainuri
	: Puan Wan Aizaa Wan Abdullah
Pemeriksa kira-kira	: Puan Noor Hadina Ahmad Zabidi
	: Tuan Ashaari Md. Yazid



MESYUARAT

A) JAWATANKUASA INDUK

1. Mesyuarat Jawatankuasa Kali Pertama (Bil. 1/2002) pada 25 Ogos 2002, bertempat di Ballroom 2, Hotel Renaissance, Kota Bharu, Kelantan
2. Mesyuarat Jawatankuasa Kali Kedua (Bil. 2/2002) pada 4 Oktober 2002, di Bilik Mesyuarat Pengurusan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Putrajaya.
3. Mesyuarat Jawatankuasa Kali Ketiga (Bil. 1/2003) pada 7 Februari 2003, di Bilik Mesyuarat Pengurusan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Putrajaya.
4. Mesyuarat Jawatankuasa Kali Keempat (Bil. 2/2003) pada 19 Februari di Institut Latihan Keselamatan dan Sosial KWSP (ESSET), Bangi, Selangor.
5. Mesyuarat Jawatankuasa Persiapan Persidangan Pegawai Syariah 2003 pada 27 Jun 2003 di Bilik Mesyuarat Penguru-

san Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Putrajaya

6. Mesyuarat Jawatankuasa Kali Kelima (Bil. 3/2003) pada 27 Jun 2003, di Bilik Mesyuarat Pengurusan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Putrajaya.
7. Mesyuarat Jawatankuasa Kali Keenam (Bil. 4/2003) pada 9 Julai 2003, di Bilik Mesyuarat Mahkamah Tinggi Syariah Selangor, Shah Alam.

B) BIRO-BIRO

1. Mesyuarat Biro Protokol Dan Hubungan Luar (Bil. 1/2002) pada 27 Disember 2002, di Bilik Mesyuarat Pengurusan, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Putrajaya.
2. Mesyuarat Jawatankuasa Sekretariat (Bil. 1/2003) pada 24 April 2003, di Bilik Mesyuarat Pengurusan, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Putrajaya.

Perjumpaan



1. Kunjungan hormat ke Persatuan Wartawan Melayu Malaysia pada 12 April 2003 bertempat di Pejabat Persatuan Wartawan Melayu Malaysia, Kuala Lumpur.

2. Majlis perjumpaan dengan Persatuan Peguam Syarie Malaysia pada 9 Julai 2003, di Bilik Mesyuarat, Mahkamah Tinggi Syariah Selangor, Shah Alam.

Tahniah

- Y.A.A Datuk Sheikh Ghazali di atas kurniaan Pingat Jasa Negara yang membawa gelaran " DATUK "
- Y.A.A Dato' Md. Yusop Che Teh di atas kurniaan DSPN yang membawa gelaran " DATO' "
- Y.A.A Dato' Dr Abdullah Abu Bakar di atas kurniaan DPMT yang membawa gelaran "DATO' "
- Tuan Mahammad Ibrahim di atas kenaikan pangkat sebagai Ketua Hakim Syarie Melaka.
- Tuan Yusop Musa yang telah bertukar ke Jabatan Peguam Negara sebagai Peguam Syarie Kanan Persekutuan dan kenaikan pangkat ke Gred LS 54
 - Tuan Hj. Nai'm Mokhtar kerana berjaya menyambung PHD di UKM.
- Selamat bertugas kepada Tuan Ashaari Yazid yang telah tamat pengajian Master.

IKLAN

INFO PERTUKARAN / PELANTIKAN PEGAWAI

Kami sedang ber usaha mengumpul-kan pakaian / barangan terpakai untuk mem- bantu golongan yang kurang berkemampuan .



Sekiranya anda ingin menghulurkan bantuan bolehlah menyumbang semasa Persidangan Pegawai Syariah 2003

Mohon kerjasama Pendaftar-pendaftar Mahkamah untuk memaklumkan sebarang pertukaran pegawai atau kenaikan pangkat di tempat anda dengan menghubungi editor kami : Tn Hj Walid Abu Hassan / Cik Mazlina Hussin / Pn. Yuhanis Yusop
03 88864800

- Tn. Mohd Nasir Ab Majid (Pengarah Penyelidikan bertukar ke Mah. Syariah W.Persekutuan sebagai Hakim Mah. Tinggi).
- Tn. Mohammad b Abdullah (Hakim Mah. Tinggi Melaka telah bertukar ke JKSM sebagai Pendaftar).
- Tn. Ghazali Ahmad (Peg. Penyelidik telah bertukar ke Mah. Syariah W.Persekutuan sebagai Hakim Mah. Rendah).
- Cik Noor Huda Roslan (Pen.Pengarah Penyelidikan telah bertukar ke Unit Syariah Jab. Peguam Negara).
- Pn.Ruzita Ramli (Peg.Penyelidik di Jab. Peguam Negara telah bertukar ke Caw. Penyelidikan JKSM).
- Tn. Hj. Ghazali b. Zakaria, Hakim Mah. Rendah bertukar dari Manjung ke Taiping.
- Drs. Abd. Halim Aziz Abdul Rahman bertukar dari Mah. Rendah Taiping ke Teluk Intan.
- Tuan Ashaari Yazid bertukar dari Mah. Rendah Teluk Intan ke Grik.
- Tuan Ahmad Thaifor Ahmad Rusdi, Hakim Mah. Rendah bertukar dari Grik ke Manjung.
- Pelantikan baru Hakim Mah. Rendah Terengganu - Tuan Mohd Nazri b. Yusof dan Tuan Nik Zulhaiza b. Ismail.

SEMASA

Penjualan "Car Crest" berharga RM 50.00 dari masa ke semasa

Kutipan yuran pendaftaran, tahunan atau seumur hidup dari masa ke semasa

Ucapan tahniah di atas perkahwinan, kelahiran anak dan kenaikan pangkat berbentuk kad yang dihantar kepada para Pegawai Syariah melalui pos / emel

Jangan ketinggalan untuk menyertai pelbagai aktiviti sukan yang akan diadakan sepanjang Persidangan Pegawai Syariah akan datang dan menangi pelbagai hadiah menarik yang disediakan untuk anda.
(Badminton (L) / Bola Tampar (L) / Ping Pong / Golf / Sukaneka)